

Wacana Jaringan Siswazah Nusantara 2.0/2014: Percambahan dan Perkongsian Khazanah Ilmu Di Yogyakarta, Indonesia

Wacana Ilmu Jaringan Siswazah Nusantara 2.0/2014 yang telah diadakan pada 5 hingga 8 Mei 2014 di Yogyakarta, Indonesia.

Program ini merupakan satu jaringan kolaborasi yang mula diperkenalkan pada tahun 2012 yang mana bertujuan mendedahkan pelajar sarjana dengan pembelajaran praktikal dunia luar sekaligus menerapkan kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi dan menganalisa isu – isu kontemporari di Nusantara. Kejayaan JSN 1.0 Tahun 2012 anjuran Program Strategi dan Hubungan Antarabangsa (PPSPS, FSSK) dibawah kursus SKSS 6033 : Globalisasi dan Isu – Isu Keselamatan Antarabangsa, membolehkan program ini dilangsungkan sekali lagi.

Program ini disertai oleh seramai 28 orang mahasiswa pasca siswazah termasuk seorang mantan siswazah dari Brunei dengan diiringi Prof. Madya Dr. Zarina Othman, Ketua Program Strategi dan Hubungan Antarabangsa serta dibantu oleh Dr. Sri Muryantini dan Dr. Ariyani Hermawanto, pensyarah dari Ilmu Hubungan Antarabangsa, Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universiti Pembangunan Nasional “Veteran” (UPN). Kedua-duanya merupakan alumni Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

JSN 2.0 kali ini mendapat kerjasama daripada Universitas Gadjah Mada (UGM), Universitas Pembangunan Nasional (UPN) “Veteran”, Akademi

Angkatan Militer Magelang (AKMIL) dan Akademi Angkatan Udara (AAU) di Yogyakarta, Indonesia. Tema program “Peace Education, Training and Capacity Building in Southeast Asean” dengan pembentangan dua kertas kerja oleh pelajar PhD dan Sarjana di UGM, satu kertas kerja di AKMIL, satu kertas kerja di UPN dan satu kertas kerja di AAU dalam perbincangan meja bulat.

Sesi Perbincangan Meja Bulat Di UGM

Perbincangan meja bulat pertama di UGM membincangkan empat tajuk iaitu “Dasar Sekatan Bilateral Amerika Syarikat (AS) Terhadap Myanmar : Satu Tinjauan Awal”. UKM diwakili oleh mahasiswa pasca siswazah, saudari Aini Fatimah, “Asia Tenggara : Buruh Kanak-Kanak Dan Keselamatan Di Asia Tenggara” oleh saudara Mohamad Ikhran Mohamad Ridzuan dan Afifi Nordin, “The Effort of ASEAN to Handle Rohingya Refugees’ Problem in Burma (Myanmar)” oleh saudara Bagus Subekti Nuwantoro dan “Why OIC Hasn’t Maximumly Contributed Toward Settling Conflict in Syria Yet?” oleh saudari Heditia Damanik.

Bagi kertas kerja pertama, perbincangan ini telah mengupas mengenai peranan Kongres AS yang lebih proaktif dalam mendesak

Rumah Putih (White House) bagi mengenakan sekatan lebih tegas dan efisien ke atas Myanmar. Ia turut menekankan bahawa berlakunya kelompangan yang tidak di isi oleh AS sekaligus menggalakkan aktiviti bukan ketenteraan seperti hak asasi manusia bercambah. Selain itu juga, pembentang turut menyatakan peranan AS dalam menstabilkan kuasa ketenteraan dan aktiviti bukan ketenteraan di Myanmar.

Bagi pembentang kedua, perbincangan menjurus pada kemasukan Myanmar dalam ASEAN pada tahun 1997. Seterusnya ASEAN dapat memberi tekanan kepada Myanmar melalui Law and Order Restoration Council (SLORC) untuk duduk bersama dalam rundingan antara junta dan pergerakan demokrasi serta minoriti etnik Rohingya. Pembentang juga memberi andaian sekiranya Myanmar menjadi Pengerusi ASEAN pada masa hadapan, ASEAN boleh memainkan peranan penting dalam mencapai perdamaian di Myanmar serta menggalakkan pelaksanaan Asean Human Rights Declaration 2012.

Manakala bagi pembentang ketiga, penekanan diberikan kepada peranan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) di dalam konflik di Syria, permasalahan seperti tidak campur tangan OIC di dalam Negara anggota

menjadikan OIC seakan-akan gagal dalam menjalankan fungsinya. Selain daripada itu, kegagalan OIC untuk membawa isu Syria ini ke meja perundingan menyebabkan konflik ini berterusan.

Pembentang yang terakhir lebih menjurus kepada buruh kanak-kanak Filipina dan keselamatan di Asia Tenggara. Pembentang menyatakan bahawa permasalahan buruh kanak-kanak ini mampu mengugat keselamatan sempadan Malaysia-Filipina khususnya negeri Sabah. Selain daripada itu, buruh kanak-kanak ini juga mampu memberi ancaman

Manakala di UPN pula membincangkan tajuk “Implikasi Kebangkitan Kuasa Ketenteraan China Terhadap Pakatan Keselamatan AS-Jepun Pasca Perang Dingin”. Kertas kerja ini dibentangkan oleh Hisham Kamal Othman Kamal, calon PhD. Perbincangan ini berkaitan dengan kebangkitan kuasa China membangunkan kekuatan ketenteraan mereka yang mana dianggap oleh AS sebagai satu bentuk ancaman baru dan mula mencabar kedudukan AS di rantau Asia Timur. Justeru pembentang merasakan pakatan keselamatan AS-Jepun telah diperkasakan bagi

perbincangan meja bulat ini mengenai perubahan transisi di Aceh pasca tsunami yang memfokuskan peranan masyarakat antarabangsa. Menurut pembentang, Perjanjian Helsinki yang ditandatangani pada tahun 2005 menjadi signifikan terhadap pertukaran status Aceh daripada daerah penguasaan militer kepada autonomi.

Sesi perbincangan meja bulat ini berkisar mengenai “Isu Nuklear Korea Utara Dan Keselamatan Asia Timur Laut”. Kertas kerja dibentangkan oleh Mohd Syazwan Mohd Nasir dan Mohd Hazwan Mohd Hassan. Pembentang telah membincangkan mengenai



Pelajar-Pelajar UKM Bersama Pensyarah UPN

keselamatan rantau dengan adanya kegiatan jenayah seperti penyeludupan dadah dan senjata api seperti mana yang dijelaskan oleh pembentang.

Perbincangan meja bulat seterusnya diadakan di AKMIL dengan tajuk “Kebangkitan Kuasa Ketenteraan Maritim China : Satu Analisis” yang dibentangkan oleh saudari Noraini, mahasiswa Pasca Siswazah dari UKM. Perbincangan memfokuskan sebab pemodenan aset ketenteraan laut China dan penganalisaan terhadap pemodenan ketenteraan laut China.

menangani ancaman ini. Menurut pembentang lagi, pakatan ini telah berjaya menjamin keselamatan, keamanan serta kestabilan rantau ini sejak berakhir Perang Dunia Kedua namun kebangkitan kuasa ketenteraan China telah memberikan implikasi kepada kedudukan Pakatan ini. Satu lagi kertas kerja yang menarik telah dibentangkan oleh wakil UPN iaitu Dr. Sri Muryantini, pensyarah Jurusan Ilmu Hubungan Antarabangsa, UPN bertajuk “Hubungan antara Jakarta dan Aceh Pasca Tsunami, Peranan Aktif Masyarakat Antarabangsa”. Sesi

pengembangan senjata nuklear Korea Utara yang dilakukan untuk mempertahankan dan melindungi kedaulatan daripada ancaman negara lain. Pembentang juga menyatakan negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan merasa terancam dengan pengembangan senjata nuklear Korea Utara dan ujian-ujian peluru berpandu yang dilakukan oleh negara tersebut. Justeru, kerjasama Jepun, Korea Selatan dan AS telah meningkatkan kemampuan pertahanan ketenteraan mereka di rantau Asia Timur Laut.